

28/02/1998

Jualan murah tidak seghairah dahulu

Khairana Sabtu

KEGAWATAN ekonomi mula dirasakan apabila gedung beli-belah yang menawarkan jualan murah agak lengang. Selalunya, semalam, gedung yang membuat tawaran seperti ini akan menjadi tumpuan tetapi kini tidak lagi.

Tinjauan Berita Harian ke beberapa pusat beli-belah yang mengadakan jualan murah mendapati pelanggan tidak perlu lagi beratur panjang untuk membuat bayaran di kaunter.

Malah, kebanyakan pelanggan yang mengunjungi premis perniagaan terbabit terdiri daripada warga asing dan remaja yang hanya meninjau dan tidak membeli.

Menurut seorang usahawan, Rosnah Ismail, 34, tawaran jualan murah tidak lagi menarik minatnya memandangkan keadaan ekonomi yang tidak membenarkannya berbelanja berlebihan.

"Saya yakin bukan saya saja berperasaan demikian. Tanyalah sesiapa saja, mereka pasti tidak lagi berminat untuk berbelanja lebih daripada sepatutnya."

"Malah saya pasti semua orang terpaksa membuat perbelanjaan ketat. Jadi tidak hairanlah jika jualan murah tidak lagi mampu menarik ramai orang ke sana," katanya.

Rosnah berkata, keadaan ekonomi yang tidak begitu baik juga membuatkan peniaga mengambil kesempatan untuk menaikkan harga sewenang-wenangnya.

"Kegawatan ekonomi juga menyebabkan semua orang mengambil kesempatan. Minggu lalu saya membeli sehelai blaus yang berharga RM80 dari sebuah pusat beli-belah terkemuka di Bukit Bintang.

"Beberapa hari kemudian pusat itu mengadakan jualan murah dan saya terkejut kerana harga blaus itu dinaikkan kepada RM100 dan untuk mengaburi mata pembeli, mereka memberi potongan 20 peratus."

"Bila difikirkan balik, harganya tidak berubah. Mungkin ini juga salah satu faktor mengapa orang tidak lagi mengunjungi jualan murah," katanya.

Tutor di Universiti Malaya (UM), Zaleha Ahmad, 28, menyedari yang kebanyakan pusat beli-belah bukan saja lengang daripada dikunjungi orang ramai, malah barangannya juga tidak banyak pilihan.

"Memang tidak dinafikan semua orang sudah mula merasai kesukaran hidup. Bukan mudah untuk mencari wang tambahan pula ketika semua harga barang naik."

"Saya memang mengamalkan hidup bersederhana sejak dari dulu lagi. Oleh itu, keadaan ekonomi yang kurang baik ini tidak begitu memberi kesan kepada kehidupan saya."

"Malah memang dari dulu lagi saya kurang berminat dengan iklan jualan murah," katanya.

Menurut Zaleha, orang ramai juga sudah sedar akan kepentingan menabung dan berbelanja dengan bijak.

"Seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengikut cara perbelanjaan berhemat sudah mula menjadi ikutan."

"Sebab itulah orang ramai tidak lagi mengunjungi pusat beli-belah walaupun ada yang menawarkan jualan murah," katanya.

Manakala seorang peguam, Linda Lopez, 24 berkata, orang ramai mengambil sikap berhati-hati dan berjimat cermat semenjak kegawatan ekonomi melanda negara.

"Sikap rakyat Malaysia terhadap corak berbelanja semakin berubah. Mereka lebih gemar berjimat cermat dan mula menabung."

"Keadaan ini ketara apabila kita mengunjungi pusat beli-belah yang

semakin lengang. Malah, kempen jualan murah tidak lagi mampu menarik minat ramai," katanya.

Pelajar Kursus Pendidikan Lepas Ijazah (KPLI) Institut Bahasa (IB), Rohayati Kassim, 25, berkata dia hanya berbelanja mengikut keperluan semasa.

"Jika dulu saya boleh membeli tiga atau empat pasang baju sebulan tetapi kini, sejak keadaan ekonomi tidak stabil, saya terpaksa memotong perbelanjaan kepada sehelai saja."

"Saya masih mengunjungi pusat beli-belah yang menawarkan jualan murah tetapi bukan untuk membeli, sebaliknya sekadar `mencuci mata'," katanya.

Rakannya, Norsuhaili Mohd Noh, 25, pula mengambil langkah berjimat cermat dengan tidak lagi mengunjungi pusat beli-belah.

"Bukannya apa, takut tergoda dengan potongan harga yang ditawarkan. Saya tidak mahu membeli barang yang tidak perlu. Tambahan pula, wang yang ada hanya cukup untuk perbelanjaan pendidikan," katanya.

(END)